



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PATRIOTISME DALAM KALANGAN ETNIK MINORITI BUGIS DI SABAH,  
MALAYSIA***

**AL-AZHARRI SIDDIQ BIN KAMUNRI**

**FEM 2018 43**



**PATRIOTISME DALAM KALANGAN ETNIK MINORITI BUGIS DI SABAH,  
MALAYSIA**

Oleh

**AL-AZHARRI SIDDIQ BIN KAMUNRI**

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan,  
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk  
Ijazah Doktor Falsafah**

**September 2018**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia,  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PATRIOTISME DALAM KALANGAN ETNIK MINORITI BUGIS  
DI SABAH, MALAYSIA**

Oleh

**AL-AZHARRI SIDDIQ BIN KAMUNRI**

**September 2018**

**Pengerusi: Jayum Anak Jawan, PhD**  
**Fakulti: Ekologi Manusia**

Patriotisme merupakan salah satu nilai kenegaraan yang sangat penting dalam pembinaan sesebuah negara. Dalam konteks negeri Sabah, kepelbagaian etnik, agama, budaya, fahaman politik dan keunikan undang-undang negeri Sabah merupakan faktor-faktor yang sangat penting dalam pembentukan tahap patriotisme sesebuah etnik di Sabah. Kajian ini bertujuan mengukur tahap patriotisme dalam kalangan etnik minoriti Bugis di Sabah. Kajian ini penting kerana tidak ada kajian yang lepas mengenai tahap patriotisme etnik Bugis di Sabah. Dari aspek undang-undang negeri Sabah, terdapat lebih 30 etnik yang diiktiraf sebagai pribumi Sabah. Walau bagaimanapun, status etnik Bugis Sabah tidak termasuk sebagai pribumi Sabah walaupun mereka telah menetap di Sabah sejak tahun 1868 lagi. Kedudukan etnik Bugis Sabah dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia adalah lebih baik di mana mereka diiktiraf sebagai bumiputera kerana memenuhi kriteria yang ditetapkan seperti beragama Islam, berbahasa Melayu dan mengamalkan adat budaya Melayu. Walaupun generasi kedua Bugis Sabah dan seterusnya telah melalui proses asimilasi dengan etnik tempatan yang lain melalui perkahwinan campur, pendidikan, ekonomi dan sosiopolitik tetapi permasalahan utama patriotisme mereka masih lagi berlaku. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah lebih kepada kaedah kuantitatif, manakala kaedah kualitatif merupakan pelengkap di mana kombinasi pelbagai kaedah telah melengkap antara satu sama lain. Kaedah kuantitatif digunakan untuk mendapatkan data di lapangan, manakala kaedah kualitatif pula merupakan kaedah untuk mengolah data yang diperoleh dari pelbagai sumber seperti data statistik, rujukan daripada buku, tesis dan kajian terdahulu yang berkaitan. Oleh hal yang demikian, kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif untuk menganalisis dan menilai sikap responden terhadap tahap patriotisme, manakala kaedah kualitatif pula bertujuan untuk saling melengkapkan data kuantitatif dalam menghuraikan permasalahan patriotisme etnik Bugis di Sabah. Hasil penemuan kajian ini menunjukkan bahawa faktor-faktor seperti latar belakang demografi dan dimensi pengukuran patriotisme telah mempengaruhi tahap patriotisme etnik Bugis di Sabah. Namun demikian, hasil penting kajian ini menunjukkan tahap patriotisme

mereka adalah di tahap tinggi di mana perbandingan menunjukkan purata keseluruhan lebih tinggi daripada Indeks Patriotisme Negara di peringkat nasional. Rumusan, walaupun dalam kalangan mereka masih ada yang mengekalkan keunikan identiti etnik Bugis tetapi patriotisme mereka kepada negeri Sabah dan negara Malaysia adalah tinggi dan ianya telah membezakan diri mereka dengan orang Bugis dari negara Indonesia.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of in Doctor of Philosophy

**PATRIOTISME IN BUGIS SABAH, MALAYSIA  
MINORITY ETHNIC**

By

**AL-AZHARRI SIDDIQ BIN KAMUNRI**

**September 2018**

**Chair: Jayum Anak Jawan, PhD  
Faculty: Human Ecology**

Patriotism is one of the most crucial state values in the construction of a country. In the context of Sabah, the diversity of ethnic, religious, cultural, political and uniqueness of the Sabah state constituents are significant factors in forming the level of ethnic patriotism in Sabah. This study aims to measure the level of patriotism among Bugis ethnic minorities in Sabah. This study is important because there is no previous study on the level of Bugis ethnic patriotism in Sabah. From the aspect of the Sabah state law, there are over 30 ethnicities recognized as Sabah natives. However, ethnic Bugis Sabah status is not included as Sabah's natives although they have settled in Sabah since 1868. The ethnic position of Bugis Sabah in the Federal Constitution of Malaysia is better where they are recognized as Bumiputras for meeting the prescribed criteria of Islam, Malay language and practicing Malay customs. While the second generation of Bugis Sabah and beyond have been through the process of assimilation with other local ethnics through mixed marriages, education, economics, social and politics, their central patriotism still exists. The methodology used in this study is more than quantitative methods, while qualitative methods are complementary where the combination of various ways has complemented each other. Quantitative methods are used to obtain data in the field, while qualitative methods are methods for processing data collected from various sources such as statistical data, references from books, theses, and related previous studies. Therefore, this study uses quantitative methods to analyze and evaluate respondents' attitudes towards patriotism levels, while qualitative methods are aimed at complementing quantitative data in describing the problems of ethnic Bugis patriotism in Sabah. The findings of this study show that factors such as demographic background and dimension of patriotism measurement have influenced the level of ethnic Bugis patriotism in Sabah. However, the critical outcome of this study suggests that their level of patriotism is at a high level where the comparison shows the overall average more elevated than the National Patriotic Index at the national level. The formulation, although among them still exists, maintains the uniqueness of Bugis ethnic identity but

their patriotism to the state of Sabah and Malaysia is high, and they have distinguished themselves with the Bugis from Indonesia.



© COPYRIGHT UPM

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada jawatankuasa penyelia saya, Profesor Jayum Jawan (Pengerusi), Profesor Zaid Ahmad dan Profesor Madya Dr. Ahmad Tarmizi Talib (ahli) atas sokongan berterusan, kesabaran, motivasi, semangat dan ilmu pengetahuan yang sangat mendalam dalam membimbing saya menjadi penyelidik yang kritis.

Akhir sekali, jutaan terima kasih kepada ahli keluarga saya yang telah memberi sokongan daripada aspek mental, fizikal dan kewangan semasa menyelesaikan pengajian ini. Khususnya, isteri dan anak-anak Dr. Putri Yubbu, Aimi Fatimah, Ain Farhanah, Annur Iman & Ainur Syifa. Ibu bapa saya Hj. Kamunri Hj. Naho dan Hjh. Harisah Lile dan adik-beradik. Orang-orang kampung dan rakan-rakan di lapangan. Justeru, perjalanan pengajian ini telah memberikan saya pendedahan pengetahuan yang tidak terbatas dan pengalaman penting. Saya bersyukur untuk mendapat peluang belajar dengan sekumpulan orang yang memberi inspirasi, termasuklah mereka yang tidak dapat disebut namanya satu persatu.



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 25 September 2018 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Al-Azhari Siddiq bin Kamunri bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Patriotisme dalam Kalangan Etnik Minoriti Bugis di Sabah, Malaysia" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Mohamad Fazli bin Sabri, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Nobaya binti Ahmad, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Sarjit Singh a/l Darshan Singh, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Sivamurugan Pandian, PhD**

Profesor  
Universiti Sains Malaysia  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)



**RUSLI HAJI ABDULLAH, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 27 September 2018

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Jayum Anak Jawan, PhD**

Profesor  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Zaid bin Ahmad, PhD**

Profesor  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Ahmad Tarmizi bin Talib, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Al-Azhari Siddiq Bin Kamunri (GS39164)

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan : \_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan : \_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan : \_\_\_\_\_

## ISI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI PETA</b>	xvi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvii
<b>BAB</b>	
<b>1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Permasalahan Kajian	1
1.3 Persoalan Kajian	2
1.4 Objektif Kajian	2
1.5 Kepentingan Kajian	3
1.6 Skop Kajian	4
1.7 Organisasi Tesis	4
1.8 Kesimpulan	7
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	
2.1 Pendahuluan	8
2.2 Definisi Patriotisme	8
2.3 Ciri-Ciri Patriotisme	11
2.4 Sikap Patriotisme	12
2.5 Teori Huntington Tentang Patriotisme	14
2.6 Teori Fukuyama Tentang Patriotisme	21
2.7 Kajian Indeks Patriotisme Negara	23
2.7.1 Kumpulan Sasar IPN	25
2.7.2 Latar Belakang Penyelidikan IPN	25
2.7.3 Objektif Penyelidikan IPN	25
2.7.4 Sumbangan IPN	26
2.8 Kajian Asmiaty Amat Tentang Bugis Sabah	26
2.9 Kajian Suraya Sintang Tentang Bugis Sabah	28
2.9.1 Bugis Melayu	29
2.9.2 Bugis Warganegara Malaysia	30
2.9.3 Bugis Indonesia	30
2.10 Kesimpulan	31
<b>3 METODOLOGI</b>	
3.1 Pendahuluan	32
3.2 Kerangka Penyelidikan	32

3.3	Reka Bentuk Kajian Tinjauan	34
3.4	Lokasi Kajian	36
3.5	Pemboleh Ubah Kajian	38
3.5.1	Pemboleh Ubah Bersandar (Tahap Patriotisme)	38
3.5.2	Pemboleh Ubah Tidak Bersandar (Faktor Demografi)	38
3.6	Pengukuran Patriotisme	38
3.6.1	Dimensi Kenegaraan	39
3.6.2	Dimensi Institusi Raja dan Kesultanan	39
3.6.3	Dimensi Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Rasmi	39
3.6.4	Dimensi Interaksi Kaum	39
3.6.5	Dimensi Penglibatan Dalam Aktiviti Sosial	40
3.6.6	Dimensi Penggunaan Produk Tempatan	40
3.6.7	Dimensi Ketatanegaraan	40
3.7	Kaedah Pengumpulan Data	41
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	42
3.9	Ujian Kenormalan Data	44
3.10	Kaedah Persampelan	47
3.10.1	Kumpulan Sasaran	47
3.10.2	Kerangka Persampelan	48
3.10.3	Saiz Sampel	48
3.10.4	Kaedah Pemilihan Sampel	48
3.11	Kaedah Analisis Data	49
3.11.1	Kenalpasti Tahap Patriotisme	49
3.11.2	Perbandingan Tahap Patriotisme	49
3.11.3	Ujian T dan Ujian Mann- Whitney U	49
3.11.4	Ujian ANOVA dan Ujian Kruskal Wallis	50
3.11.5	Faktor Mempengaruhi Tahap Patriotisme	50
3.11.6	Hipotesis dan Ujian Statistik	52
3.12	Perisian Komputer Statistik	54
3.13	Kesimpulan	54

#### **4 SEJARAH ETNIK BUGIS**

4.1	Pengenalan	55
4.2	Siapakah Orang Bugis	55
4.3	Kerajaan Awal Bugis	61
4.3.1	Kerajaan Bone	61
4.3.2	Kerajaan Makassar	61
4.3.3	Kerajaan Soppeng	61
4.3.4	Kerajaan Wajo	62
4.4	Kebudayaan Etnik Bugis	62

4.5	Etnik Bugis Di Sabah	63
4.5.1	Populasi Bugis Sabah Bermula Di Tawau	64
4.5.2	Etnik Bugis Indonesia	66
4.5.3	Struktur Sosial Etnik Bugis Sabah	68
4.6	Latar Belakang Patriotisme Di Sabah	69
4.7	Sejarah Patriotisme Etnik Bugis di Sabah	71
4.7.1	Melayu Berdarah Bugis	73
4.7.2	Bugis Indonesia Bukan Bertaraf Warganegara Malaysia	73
4.7.3	Bugis Bertaraf Warganegara Malaysia	73
4.8	Kesimpulan	74
<b>5</b>	<b>LATAR BELAKANG KAJIAN DAN RESPONDEN</b>	
5.1	Pendahuluan	75
5.2	Latar Belakang Kawasan Kajian	75
5.3	Demografi	77
5.3.1	Taburan Responden Mengikut Umur	78
5.3.2	Taburan Responden Mengikut Tempat Tinggal	79
5.3.3	Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan	80
5.3.4	Taburan Responden Mengikut Pekerjaan	82
5.3.5	Taburan Responden Mengikut Sub Etnik Bugis	83
5.4	Kesimpulan	84
<b>6</b>	<b>SIFAT-SIFAT PATRIOTISME</b>	
6.1	Pendahuluan	85
6.2	Tingkat Kenegaraan Responden	85
6.3	Kesetiaan Kenegaraan Dalam Institusi Negeri Dan Negara	88
6.4	Penggunaan Bahasa Rasmi Responden	90
6.5	Interaksi Etnik Bugis Dengan Etnik Lain	91
6.6	Penglibatan Responden Dalam Aktiviti Sosial	93
6.7	Tahap Patriotisme Dalam Penggunaan Produk Tempatan	95
6.8	Tingkat Ketatanegaraan Responden	96
6.9	Ujian Tahap Patriotisme	101
6.9.1	Patriotisme Dan Umur	101
6.9.2	Patriotisme Dan Jantina	102
6.9.3	Patriotisme Dan Tahap Pendidikan	104
6.9.4	Patriotisme Dan Pekerjaan	106

	6.9.5	Patriotisme Dan Sub Etnik Bugis	108
6.10		Kesimpulan	110
<b>7</b>		<b>FAKTOR PENGARUH PATRIOTISME</b>	
7.1		Pendahuluan	111
7.2		Faktor Demografi Dan Kenegaraan	111
7.3		Faktor Demografi Dan Negeri dan Negara	112
7.4		Faktor Demografi Dan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi	113
7.5		Faktor Demografi Dan Interaksi Kaum	115
7.6		Faktor Demografi Dan Penglibatan Dalam Aktiviti Sosial	116
7.7		Faktor Demografi Mempengaruhi Dimensi Penggunaan Produk Tempatan	117
7.8		Faktor Demografi Dan Ketatanegaraan	118
7.9		Faktor Demografi Mempengaruhi Aspek Patriotisme	120
7.10		Kesimpulan	121
<b>8</b>		<b>RUMUSAN</b>	
8.1		Pendahuluan	123
8.2		Rumusan Hasil Kajian	123
8.3		Limitasi Dan Rekomendasi	124
8.4		Sumbangan Tesis	126
8.5		Kesimpulan	127
		<b>RUJUKAN</b>	128
		<b>LAMPIRAN</b>	136
		<b>BIODATA PELAJAR</b>	147
		<b>SENARAI PENERBITAN</b>	148



## SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
3.1	Lokasi Kajian	42
3.2	Ujian Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	44
3.3	Ujian Kenormalan Data	45
3.4	Nilai Alpha Cronbach Soalan Soal Selidik Etnik Bugis Sabah - Pilot Test	46
3.5	Pemboleh Ubah Bagi Analisis Regresi	51
4.1	Kumpulan Etnik Indonesia	59
5.1	Taburan Responden Mengikut Umur	79
5.2	Taburan Responden Mengikut Tempat Tinggal	80
5.3	Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan	81
5.4	Taburan Responden Mengikut Pekerjaan	83
5.5	Taburan Responden Mengikut Sub Etnik Bugis	84
6.1	Taburan Respon Responden Dari Aspek Kenegaraan	86
6.2	Taburan Respon Responden Dari Aspek Institusi	90
6.3	Taburan Respon Responden Dari Aspek Bahasa Kebangsaan	91
6.4	Taburan Respon Responden Dari Aspek Interaksi	93
6.5	Taburan Respon Responden Dari Aspek Penglibatan Dalam Aktiviti	94
6.6	Taburan Respon Responden Dari Aspek Penggunaan	96
6.7	Taburan Respon Responden Dari Aspek Ketatanegaraan	100
6.8	Patriotisme dan Umur	102
6.9	Patriotisme dan Jantina	103
6.10	Patriotisme dan Tahap Pendidikan	105
6.11	Patriotisme dan Pekerjaan	107
6.12	Patriotisme dan Sub Etnik Bugis	109
7.1	Faktor Demografi dan Kenegaraan	112
7.2	Faktor Demografi dan Institusi Raja Dan Kesultanan	113
7.3	Faktor-Faktor yang Memberi Kesan Demografi Dimensi Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Rasmi	114
7.4	Faktor Demografi dan Interaksi Kaum	116
7.5	Faktor Demografi dan Penglibatan Dalam Aktiviti Sosial	117
7.6	Faktor Demografi Mempengaruhi Dimensi Penggunaan Produk Tempatan	118
7.7	Faktor Demografi dan Ketatanegaraan	119
7.8	Faktor Demografi Mempengaruhi Aspek Patriotisme	121

## SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
3.1	Kerangka Penyelidikan	33
4.1	Salasilah Bugis	58



## SENARAI PETA

Peta		Halaman
2.1	Perkampungan Awal Etnik Bugis Di Kg. Ranggu, Tawau	27
2.2	Perkampungan Awal Etnik Bugis Di Kg. Sg Imam, Tawau	28
4.1	Kedudukan Wilayah Asal Etnik Bugis di Negeri Sulawesi Selatan, Indonesia	56
4.2	Kedudukan Daerah Luwu, Bone, Soppeng, Sidrap dan Barru	57
4.3	Kedudukan Kerajaan-Kerajaan Awal Bugis di Sulawesi Selatan	60
4.4	Kedudukan Tawau Terletak di Selatan Negeri Sabah Berdekatan Dengan Negeri Sulawesi Selatan Melalui Jalan Laut	64
5.1	Kedudukan Kawasan Kajian Di Antara Tawau dan Semporna	76

## SENARAI SINGKATAN

ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
ASEAN	<i>Association of Southeast Asian Nations</i>
BAL	Borneo Abaca Limited
BKNS	Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah
BTN	Biro Tatanegara
DBP	Dewan Bahasa & Pustaka
DG	Daeng/Daing
DUN	Dewan Undangan Negeri
EU	<i>Eroupean Union</i>
IPG	Institut Penddikan Guru
IPN	Indeks Patriotisme Negara
MCE	<i>Malaysia Certificate of Education</i>
MPT	Majlis Perbandaran Tawau
NB	North Borneo
NBT	<i>North Borneo Timber</i>
NT	<i>Native Title</i>
PKBS	Persatuan Kebajikan Bugis Sabah
PKI	Partai Komunis Indonesia
PRBM	Persatuan Rumpun Bugis Melayu Malaysia
SAARC	<i>South Asian Association for Regional Cooperation</i>
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
TNI	Tentera Nasional Indonesia

UMS                    Universiti Malaysia Sabah  
YDPA                  Yang Dipertuan Agong  
VOC                    Syarikat Hindia Timur Belanda



## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Etnik Bugis adalah satu daripada banyak kumpulan etnik kecil yang terdapat di negeri Sabah. Sabah terkenal dengan kumpulan etnik terbesar seperti Kadazan-Dusun, Murut, Bajau dan Cina tetapi banyak lagi kumpulan kecil seperti Jawa, Banjar, Bugis, Toraja, Pakistan dan Arab telah digolongkan sebagai kumpulan 'Bumiputera lain-lain'. Ini adalah kerana bilangan setiap kumpulan etnik itu terlalu kecil untuk dikategorikan sendiri. Namun, apabila dicampurkan sebagai kelompok peribumi seperti ini, jumlah keseluruhan mereka meningkat sekitar 35% dari penduduk negeri Sabah.

Tesis ini mengkaji mengenai etnik Bugis di Sabah, iaitu salah satu daripada kumpulan 'Bumiputera lain-lain'. Mereka dianggarkan sekitar 225,000 orang dan kebanyakan daripada mereka menduduki tempat seperti daerah Tawau, Kunak, Lahad Datu, Sandakan dan Semporna<sup>1</sup>.

#### 1.2 Permasalahan Kajian

Kajian mengenai tahap patriotisme adalah penting kerana ia merupakan isu utama dalam bidang politik. Patriotisme adalah permasalahan utama dalam sains politik berhubung dengan isu pembinaan negara bangsa. Perkara yang sering menjadi pertanyaan dalam bidang ini ialah, apakah kepentingan dan peranan patriotisme dalam proses membina negara bangsa.

Dalam konteks ini, maka persoalan utama berkaitan pembinaan negara bangsa dan patriotisme ialah apakah bentuk patriotisme dan aras patriotisme yang penting dan menyumbang kepada sebuah negara bangsa. Bagi sebuah negara yang masih baharu, khasnya yang baharu melepaskan diri dari cengkaman penjajah seperti Malaysia, maka persoalan patriotisme amat penting untuk menunjukkan bahawa perjalanan pembinaan negara bangsa bagi negara baharu seperti Persekutuan Malaysia terletak di landasan yang betul.

Hal ini bertambah penting bagi sebuah negara yang bersifat majmuk dan bagi negara yang mempunyai rakyat berbilang bangsa, keturunan dan asal-usul. Dalam konteks ini, apakah aras patriotisme mereka kepada sebuah negara baharu yang mereka anggap kini sebagai negara mereka. Apakah bentuk dan sifat patriotisme yang mereka amalkan selaras dengan sifat dan bentuk yang

---

<sup>1</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia, (2010). *Royal Commission Inquiry (RCI) Mengenai Kad Pengenalan Sabah*, Putrajaya, Kementerian Dalam Negeri, hlm. 27

sedia ada diamalkan oleh penduduk dan rakyat negara bangsa yang mereka datangi.

Kajian kes ini dalam kalangan etnik Bugis adalah bagi menyelidiki dan menjawab persoalan umum bidang sains politik berkaitan proses membina negara bangsa baharu dan menilai sejauh mana etnik Bugis yang berasal dari Sulawesi Selatan dahulu dan sekarang menganggap Persekutuan Malaysia/ Sabah sebagai tanah setia mereka.

Selain daripada isu tahap patriotisme mereka, isu lain yang menjadi permasalahan utama dalam kajian ini ialah peminggiran etnik Bugis Sabah dalam sistem sosial di Sabah. Peminggiran yang dimaksudkan seperti penafian hak bumiputera Sabah ke atas etnik Bugis Sabah di mana mereka dikategorikan sebagai bumiputera lain-lain. Dengan berlakunya peminggiran ini, maka mereka sebagai rakyat Malaysia dan warganegara yang berasal dari Sabah tidak dapat menikmati hak-hak keistimewaan seperti memiliki tanah, biasiswa kerajaan negeri dan pekerjaan di dalam sektor kerajaan negeri. Persoalan yang timbul daripada permasalahan itu ialah adakah etnik Bugis Sabah tidak patriotik, atau patriotisme mereka dipersoalkan atau tahap patriotisme mereka rendah sehinggakan mereka dipinggirkan. Maka kajian ini sangat penting untuk menjawab permasalahan tersebut.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Berdasarkan kepada permasalahan kajian yang dinyatakan di atas, maka lima persoalan kajian adalah seperti yang berikut:

- i. Apakah itu patriotisme?
- ii. Apakah tahap patriotisme etnik Bugis di Sabah?
- iii. Apakah ada perbezaan tahap patriotisme etnik Bugis di Sabah berdasarkan latar belakang demografi mereka?
- iv. Yang mana satu faktor terpenting dalam mempengaruhi aras patriotisme etnik Bugis di Sabah?
- v. Apakah faktor yang akan mempengaruhi bentuk, aras dan jenis patriotisme dalam kalangan etnik Bugis di Sabah?

### **1.4 Objektif Kajian**

Berdasarkan kepada persoalan kajian, maka objektif kajian ini adalah:

- i. Mengukur tahap patriotisme etnik Bugis Sabah mengikut dimensi patriotisme (Kenegaraan, bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, Institusi Negeri dan Negara, Interaksi kaum, Penglibatan dalam aktiviti sosial, Penggunaan produk tempatan dan Ketatanegaraan).

- ii. Menentukan perbezaan patriotisme etnik Bugis Sabah berdasarkan latar belakang demografi.
- iii. Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi patriotisme dalam kalangan etnik Bugis di Sabah.
- iv. Menganalisis interaksi etnik Bugis Sabah dengan etnik lain di Sabah berdasarkan tujuh dimensi patriotisme iaitu dimensi Kenegaraan, Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, Institusi Negeri dan Negara, Interaksi kaum, Penglibatan dalam aktiviti sosial, Penggunaan produk tempatan dan ketatanegaraan).

### 1.5 Kepentingan Kajian

Kajian kes mengenai patriotisme etnik Bugis di Sabah adalah penting kerana beberapa sebab di bawah.

- i. Tesis ini menjawab pelbagai persoalan utama mengenai etnik Bugis di Sabah khususnya berkaitan tahap patriotisme mereka khususnya kepada negeri Sabah dan negara Malaysia. Persoalan ini sering dibangkitkan mengenai kesetiaan etnik Bugis di Sabah walaupun mereka telah beratus tahun menetap di Sabah dan telah menunjukkan kesetiaan serta kecintaan kepada negeri Sabah sebagai tanah air mereka. Persoalan ini adalah penting untuk melihat kecintaan dan kesetiaan mereka yang sudah lama tidak lagi berkiblatkan kepada negeri asal nenek-moyang mereka di Sulawesi Selatan, Republik Indonesia.
- ii. Kajian ini memberi jawapan dan gambaran yang lebih terperinci dalam aspek imigrasi etnik Bugis dari Indonesia memasuki negeri Sabah tanpa henti setiap tahun sejak sebelum penubuhan Persekutuan Malaysia pada 1963 sehingga sekarang. Kemasukan mereka tanpa henti adalah kerana permintaan tenaga buruh yang tinggi di Sabah serta faktor hubungan kekeluargaan antara dua negara, iaitu Sabah/Malaysia dan Indonesia. Selain itu, faktor ekonomi dan politik juga turut penting dalam proses imigrasi etnik Bugis ke Sabah/Malaysia yang sudah diperjelaskan. Laporan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2014), telah menerangkan lagi bahawa walaupun kemasukan buruh dari Indonesia turut melibatkan etnik-etnik lain seperti Jawa, Banjar, Timor, Bolongan dan Tidung tetapi buruh etnik Bugis lebih ramai dan disukai oleh majikan-majikan di Borneo Utara ketika itu.
- iii. Kepentingan kajian ini turut dapat mendedahkan keistimewaan etnik Bugis berbanding etnik lain dari Indonesia sehinggakan jumlah mereka lebih ramai diambil sebagai pekerja oleh syarikat-syarikat perladangan di Sabah berbanding etnik yang lain. Perkara ini turut digambarkan oleh Yong Leng Lee (1965) dalam kajiannya yang bertajuk *The North Borneo, A Study in Settlement Geography*.
- iv. Kepentingan kajian ini juga memberi jawapan kepada persoalan sama ada interaksi Bugis Sabah dengan etnik-etnik lain berjaya atau tidak dari segi tujuh dimensi pengukuran patriotisme iaitu dimensi Kenegaraan, Bahasa Melayu



sebagai Bahasa Rasmi, Institusi Raja dan Kesultanan, Interaksi Kaum, Penglibatan Dalam Aktiviti Sosial, Penggunaan Produk Tempatan dan Ketatanegaraan.

v. Kajian ini menjadi sangat penting kerana ianya menunjukkan kewajaran atau sebaliknya etnik itu dilayan dengan hak yang sama seperti etnik lain di Sabah/Malaysia dengan menunjukkan ukuran patriotisme sebenar etnik Bugis di Sabah.

## **1.6 Skop Kajian**

Skop kajian kes ini terhad kepada tempat dan masa. Pertama, kajian lapangan dijalankan antara bulan September 2016 hingga Disember 2016. Namun demikian, pengalaman sendiri sebagai ahli etnik Bugis Sabah banyak membantu mendalami lagi pemahaman dan pengetahuan mengenai subjek yang dikaji.

Kedua, kajian ini terhad kepada etnik Bugis yang menetap dan merupakan rakyat Malaysia di Sabah.

Ketiga, kajian lapangan untuk mendapatkan data primer, iaitu dari kampung yang majoriti diduduki etnik Bugis dilakukan di tiga daerah di negeri Sabah iaitu Tawau, Semporna dan Lahad Datu. Pemilihan empat daerah ini adalah berdasarkan faktor sejarah di mana kawasan tersebut adalah kawasan pertama didatangi etnik Bugis sejak tahun 1868 dahulu apabila mereka berhijrah dari Sulawesi, Republik Indonesia ke Sabah. Kawasan-kawasan tersebut juga merupakan tempat-tempat yang paling ramai jumlah penduduk mewakili etnik Bugis di Sabah.

## **1.7 Organisasi Tesis**

Tesis ini dibahagikan kepada tujuh bab untuk menjawab empat objektif kajian ini. Bab 1 adalah membincangkan kerangka penyelidikan mengenai etnik Bugis Sabah dan memberikan gambaran awal bagaimana kajian ini dijalankan. Perbincangan meliputi latar belakang kepada kajian yang dijalankan, permasalahan kajian iaitu meletakkan etnik Bugis dalam konteks masyarakat negeri Sabah secara khususnya dan Malaysia amnya, skop kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, kerangka kajian dan organisasi tesis.

Bab 2 adalah sorotan kajian lepas yang berkait dengan konsep dan teori penting yang dirujuk dalam kajian ini. Bahagian ini juga akan mengandungi sorotan kajian lepas mengenai sejarah, budaya dan kedatangan etnik Bugis ke Sabah di mana ianya penting untuk memahami dengan mendalam latar belakang kajian kes ini. Dalam kajian terdahulu, dua sarjana barat telah dipilih kerana kajian mereka mengenai kenegaraan dan pembinaan negara bangsa sangat signifikan

dengan kajian ini. Mereka ialah Samuel Huntington<sup>2</sup> dan Francis Fukuyama<sup>3</sup>. Manakala dua sarjana tempatan yang sudah lama mengkaji etnik Bugis Sabah ialah Asmiaty Amat<sup>4</sup> dan Suraya Sintang<sup>5</sup>, kedua-duanya dari Universiti Malaysia Sabah (UMS). Bab ini juga membincangkan Indeks Patriotisme Negara yang merupakan hasil kajian oleh Biro Tatanegara (BTN), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM). Terdapat beberapa indeks lain seperti Indeks Maqasid Syariah (JAKIM), Indeks Kesejahteraan Keluarga (LPPKN), Indeks Belia Negara (IYRES), Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (EPU), Indeks PADU (KPM) dan Indeks Ketegangan Masyarakat (JPNIN). Walau bagaimanapun, daripada tujuh indeks tersebut hanya Indeks Patriotisme Negara oleh BTN dengan UiTM sahaja yang paling relevan kerana kajiannya mengenai tahap patriotisme etnik rakyat Malaysia di mana ianya serupa dengan tesis ini iaitu mengukur tahap patriotisme etnik Bugis Sabah. Sebaliknya, indeks-indeks yang lain hanya mengukur tahap perpaduan sahaja. Walau bagaimanapun, semua indeks tersebut turut merupakan bahan rujukan yang penting dan diselitkan juga dalam tesis ini.

